



Jalan rosakancam lima buah kampung

Sentiment	Negative	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	309,552	Circulation	154,776
PR Value	92,866	Page	10

Page Location



PENDUDUK terpaksa melalui jalan yang berlubang dan rosak di Kampung Bertam lama, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

Jalan rosakancam lima buah kampung

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@medianullia.com.my

GUA MUSANG: Lebih 3,000 penduduk di lima buah kampung di sini, berdepan masalah jalan rosak serta berlubang yang menyebabkan mereka terdedah risiko kemalangan.

Dakwa penduduk, masalah itu berpunca daripada pergerakan keluar masuk lori yang menggunakan laluan itu membawa muatan batu dari kawasan Projek Pembinaan Hidroelektrik Nenggiri ke kawasan tapak projek di Kampung Ingin Maju, Dabong, Kuala Krai dekat sini.

Kampung-kampung terjejas ialah Kampung Bertam Baru, Lulut, Toseng, Sri Mahligai, Jerek dan Kampung Ingin Maju.

Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Kampung Bertam Lama, Mohd. Azhri Hasan, 57, berkata, hasil

tinjauan yang dilakukan mendapati, lebih 100 kerosakan berlaku melibatkan struktur jalan berlubang, mendap dan pecah.

"Laluan ini menjadi pilihan kenderaan berat itu kerana lebih dekat dan menjimatkan masa pemandu. Apa yang lebih membimbangkan jalan ini turut digunakan oleh pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Bertam di Kampung Bertam Baru serta Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Bendahara," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Sementara itu, penduduk, Zulkifli Ibrahim, 61, berkata, beberapa kemalangan sudah berlaku di laluan berkenaan, selain kerosakan pada kenderaan.

Katanya, kehadiran kenderaan berat turut mengundang pelbagai masalah lain seperti pencemaran bunyi, debu dan habuk.

"Rumah saya yang terletak di tepi jalan kerap kena kesan

tanah daripada tayar lori. Baru-baru ini paip air rumah saya juga digilis lori lebih muatan yang lalu-lalang.

"Saya berharap pihak bertanggungjawab terutamanya syarikat lori batu dapat bertanggungjawab dengan memperbaiki atau membaiki pulih kerosakan jalan kampung. Tidak lama lagi sambutan Hari Raya Aidilfitri dan laluan ini menjadi sibuk dengan kenderaan anak perantau yang pulang beraya," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nenggiri, Mohd. Azmawi Fikri Abdul Ghani berkata, pihaknya akan berusaha membaiki pulih segera laluan yang rosak itu demi penyelesaian dan keselamatan penduduk.

Beliau turut berharap syarikat lori atau pembekal batu dan pasir yang melalui jalan itu dapat mencari alternatif jalan lain untuk dilalui.